

17/10/1997

RM100j tingkat tahap MiG-29N

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan akan membelanjakan RM100 juta bagi mempertingkatkan tahap keupayaan pesawat pejuang MiG-29N milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Kerja menaikkan taraf pesawat itu akan dilaksanakan di negara ini dalam tempoh 18 bulan oleh sebuah syarikat yang diwujudkan khas untuk membaikpulih pesawat itu, Aerospace Technology Systems Corp Sdn Bhd (ATSC).

Majlis perjanjian kontrak untuk tujuan itu di antara Kementerian Kewangan dan ATSC disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas lawatan ke Pameran TechXchange '97 di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar dan Duta Russia ke sini, Vitalay Vorobyev.

Ketua Setiausaha Bahagian Pentadbiran Pemerolehan, Datuk Dr Mohd Shahr Sidek, menandatangani perjanjian itu bagi pihak Kementerian Kewangan manakala ATSC diwakili Pengerusinya, Datuk Azizan Hussain.

ATSC juga memeterai perjanjian berasingan berkaitan pembahagian tugas dengan Moscow Aircraft Production Organisation `MiG' (Mapo MiG) dan State Corporation `Rosvoorouzhnie'.

ATSC yang sebelum ini dikenali Malaysia-Russia Aviation Services Sdn Bhd (MRAS), adalah syarikat usaha sama di antara Menteri Kewangan Diperbadankan yang menguasai 70 peratus ekuiti, Mapo MiG (25 peratus) dan SC `Rosvoorouzhnie' (5 peratus).

Pengurus Besar ATSC, Brig Jen (B) Datuk Richard Robless, berkata kerja menaikkan taraf 16 pesawat satu tempat duduk itu akan dimulakan Januari depan di kemudahan syarikat itu di Kuantan.

Katanya, ia membabitkan pemasangan sistem pengisian minyak di udara serta peningkatan keupayaan pelbagai sistem lain termasuk sistem avionik.

"Dengan pengubahsuaian ini pesawat MiG-29N akan lebih berkeupayaan menjalankan tugas yang dipikul sekarang," katanya.

Panglima TUDM, Lt Jen Datuk Ahmad Saruji Che Ros, pada majlis perasmian Pameran TechXchange empat hari lalu, berkata kerja peningkatan itu bukanlah disebabkan pesawat terbabit menghadapi banyak masalah.

Katanya, ia sebenarnya memang dimasukkan dalam pakej pembelian asal pesawat terbabit, iaitu Russia menerusi ATSC akan menaikkan taraf MiG sedia ada mengikut keperluan TUDM.

Kerajaan membeli 18 pesawat pejuang MiG-29N yang juga dikenali sebagai `Fulcrum', iaitu 16 pesawat satu tempat duduk dan dua pesawat dua tempat duduk, pada 1994 dengan belanja RM1.4 bilion.

(END)